

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, October 3, 2018 4:13 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: TM Open Day Peluang Mahasiswa Kuasai Ilmu Keusahawanan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

03 OKTOBER 2018 / 23 MUHARAM 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

TM OPEN DAY PELUANG MAHASISWA KUASAI ILMU KEUSAHAWANAN



UUM ONLINE: ONLINE: Penganjuran TM Open Day yang berakhir malam tadi telah menjadi medan kepada mahasiswa untuk menguasai ilmu keusahawanan, selain mengembangkan potensi diri.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Kayu Hitam, Halimahton Shaadiah Saad yang juga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah berkata, masyarakat pada hari ini melabel mahasiswa sebagai golongan 'lesu' serta kurang produktif.

Menurutnya, ini berikutan penglibatan tidak aktif mereka untuk meneroka dan tidak mahu mencuba sesuatu yang baharu yang luar daripada bidang kemahiran masing-masing.

"Saya percaya pelajar terlalu memfokuskan kepada akademik semata-mata sehingga ada yang takut untuk menceburi bidang baharu ini, namun dengan adanya program TM Open

Day secara tidak langsung dapat mencungkil bakat serta sifat keusahawanan yang terpendam.

"Selain itu, program seperti ini juga memberi mereka peluang untuk menguasai ilmu keusahawanan bak kata pepatah 'belakang parang kalau diasah akan tajam juga' dan memberi motivasi serta memberi inspirasi kepada mereka untuk terus berusaha menjadi seorang graduan yang berkualiti melalui penguasaan ilmu di samping mempunyai beberapa ciri-ciri keusahawanan seperti sanggup mengambil risiko, kreatif dan inovatif," katanya pada Majlis Perasmian Penutup TM Open Day di Inapan Siswa (Inasis) TM.

Tambah beliau, TM Open Day itu juga dapat menjadi batu loncatan kepada mahasiswa UUM mengasah kemahiran insaniah atau soft- skill yang tinggi seiring dengan arus modenisasi dan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) bagi memenuhi keperluan pasaran industri, selain membina jaringan kerjasama.

Sehubungan itu, katanya, sebagai langkah bagi membantu meletakkan mahasiswa sentiasa berada di landasan yang betul, pihak kerajaan akan terus menyokong pelbagai program yang mengkhususkan kepada kemahiran insaniah pelajar dan TM Open Day 2018 itu adalah satu langkah permulaan yang cukup baik.

"Saya berharap pelajar akan memberikan respon yang baik dalam membudayakan kehidupan sebagai seorang pelajar yang unggul serta mempunyai pelbagai kemahiran insaniah baik di dalam mahupun di luar kampus dalam menjana keunggulan ummah.

"Semoga program seperti ini menjadi pemangkin kepada pelajar yang lain untuk menceburi bidang keusahawanan pada masa hadapan," katanya.

TM Open Day yang berlangsung sejak 28 September lalu merupakan anjuran Exco Keusahawanan Inasis TM dengan kerjasama JKPS TM yang mana pelbagai aktiviti dijalankan, antaranya TM *Fun Ride*, program derma darah, sukaneka dan karaoke terbuka.

Program tersebut bertujuan mencungkil bakat kepimpinan dan keusahawanan, selain menggalakkan pembangunan insaniah pelajar serta meningkatkan bilangan pelajar untuk bergiat aktif dengan program di Inasis dan universiti.

Selain itu, ia diharap dapat membantu melahirkan mahasiswa yang bersifat holistik apabila melangkah ke dunia pekerjaan.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.